

## ABSTRAK

Pengurusan kewangan merupakan antara salah satu elemen yang terdapat dalam kalangan masyarakat hari ini. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui strategi pengurusan kewangan yang terdapat dalam surah Yusuf. Latar belakang kajian ini adalah berunsurkan kisah Nabi Yusuf yang terdapat dalam al-Quran dan juga berkisarkan tentang pengurusan kewangan Islam. Permasalahan yang timbul adalah kegagalan umat Islam sebagai khalifah di atas muka bumi ni dalam menguruskan harta dengan baik. Di samping itu, Islam menggalakkan umatnya agar bekerjasama dan juga berkasiar sayang dalam menguruskan kewangan agar tidak timbul isu riba'. Manakala objektif kajian ini pula bertujuan untuk mengenal pasti konsep pengurusan kewangan yang terdapat dalam surah Yusuf, menjelaskan kelebihan dan strategi pengurusan kewangan dalam surah Yusuf dan juga bertujuan membina model pelaksanaan kewangan seperti Nabi Yusuf dalam menguruskan ekonomi dan kewangan Islam. Oleh itu, untuk menjawab objektif tersebut kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan pengumpulan data dan analisis data secara tematik. Di samping itu juga, di akhir kajian ini penyelidikan mendapati bahawa model pelaksanaan pengurusan kewangan yang terdapat dalam surah Yusuf telah diaplikasikan oleh institusi perbankan Islam dan juga institusi-institusi lain tetapi ianya tidak secara menyeluruh kerana sebahagian institusi perbankan masih berada di bawah kerangka konvensional. Selain itu, implikasi kajian ini maka terhasilah ciri-ciri model pelaksanaan kewangan Nabi Yusuf.